

Gandingan lama, baru mantapkan BN Johor 20 NOV 1999

JOHOR BAHRU 19 Nov. — Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, Datuk Abdul Ghani Othman yakin ketrampilan calon pada pilihan raya umum 29 November ini lebih menyerlah dengan gandingan mantap tokoh lama dan muka baru.

Bercakap pada sidang berita selepas mengumumkan senarai calon BN di Saujana, di sini, beliau menjelaskan, kehadiran calon baru pada kerusi Dewan Undang Negeri dan Parlimen diharap dapat meneruskan kesinambungan kejayaan membangunkan negeri ini seperti yang telah dilakukan oleh bekas wakil rakyat.

Beliau menyatakan rasa penuh keyakinan semua calon BN yang bertanding pada 29 November ini akan mencapai kemenangan besar dan mengulangi rekod kejayaan 100 peratus di Johor.

Mengenai pencalonan Dr. Robia Datuk Kosai, Menteri Besar berkata, ia memang kena pada tempatnya dan mampu memberikan khidmat kepada negeri Johor.

“Dr. Robia adalah anak jati Muar dan bekerja sebagai doktor di Kuala Lumpur serta aktif dalam UMNO dan merupakan Ketua Wanita UMNO Bahagian Titiwangsa,” ujar beliau.

Abdul Ghani juga mengotakan janji untuk memberikan lima kerusi untuk wanita iaitu empat bagi DUN dan satu untuk Parlimen kepada Wanita UMNO.

Ditanya pemberita me-

ngapa Johor mengambil masa terlalu lama untuk memutuskan senarai calon, beliau berkata, Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad perlu menyemak nama yang dicadangkan, latar belakang dan membuat keputusan dengan teliti.

“Kita bimbang ada masalah pada masa akan datang dan sebab itulah ia dilakukan dengan lebih teliti,” kata beliau.

Pertemuan

Mengenai pengguguran bekas Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat dan diganti oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Kadir Annuar, beliau berkata: “Saya yakin pengundi di kawasan itu akan menerima calon yang bertanding.”

Menurutnya, begitu juga dengan jentera parti mestilah bekerja keras untuk memastikan kemenangan kepada parti dan dalam masa yang sama memenangkan calon.

Pada pertemuan dengan Dr. Mahathir sejak Isnin hingga semalam bagi memutuskan senarai calon BN di Johor, Abdul Ghani berkata, Perdana Menteri mahukan ahli parti supaya terus patuh kepada parti.

Menurutnya, dalam pertemuan itu juga Dr. Mahathir meminta ahli yang dipilih menjadi calon supaya terus menyokong parti.